



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Srikandi Saemah Samaon, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. (2025). Penginterpretasian sikap positif dan nilai kemanusiaan dalam sumber pengajaran dan pembelajaran seni bahasa berdasarkan teori relevans. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 4(1), 189-213. <https://doi.org/10.32890/rentas2025.4.1.8>

PENGINTERPRETASIAN SIKAP POSITIF DAN NILAI KEMANUSIAAN DALAM SUMBER PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SENI BAHASA BERDASARKAN TEORI RELEVANS

*(Interpreting Positive Attitudes and Humanitarian Values in
Language Arts Teaching and Learning Materials Based on
Relevance Theory)*

¹Srikandi Saemah Samaon, ²Mary Fatimah Subet &
³Muhammad Zaid Daud

^{1&2}Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Malaysia Sarawak

²Institute of Creative Arts and Technology (iCreaTe),
Universiti Malaysia Sarawak

³Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

³*Corresponding author: zaid.daud@usm.my*

Received: 1/2/2024 Revised: 7/4/2025 Accepted: 7/5/2025 Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), memasukkan elemen seni bahasa dengan mengekalkan karya sastra dalam silibus pembelajaran. Hal ini kerana seni bahasa atau KOMSAS menjadi alat untuk meneladani sikap positif kepada pelajar. Sifat-sifat positif

yang terdapat dalam novel dapat menjadi pengajaran kepada pelajar. Kajian ini bertujuan menganalisis sikap dan nilai kemanusiaan dalam peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam novel seni bahasa untuk diteladani oleh pelajar. Kajian dilakukan menggunakan kaedah kualitatif secara analisis dokumen sepenuhnya. Pengkaji menggunakan pendekatan Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986). Data kajian ini daripada novel *Di Sebalik Dinara* oleh Dayang Noor (2014). Bagi pembuktian nilai murni yang terdapat dalam novel ini, pengkaji telah menganalisis ujaran daripada watak Marilyn berdasarkan frasa “mendakap anak gadisnya”, “sayang kamu”, “tidak mahu kehilangan kamu” dan “kucupan hangat”. Dengan bantuan analisis Teori Relevans (TR) dan Rangka Rujuk Silang (RRS), dapat membuktikan perwatakan Marilyn ialah seorang ibu yang sangat menyayangi dan merindui anaknya yang telah lama terpisah. Penggunaan leksikal seperti “mendakap”, dan frasa “tidak mahu kehilangan kamu lagi” dan “sayang kamu” dapat memberi kesan kognitif sedia ada dalam diri pelajar. Berdasarkan implikatur yang terhasil pelajar dapat memahami sikap positif dan nilai kemanusiaan yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam ujaran yang digunakan. Kajian ini mendapati ujaran-ujaran yang terdapat dalam setiap peristiwa dalam novel dapat menimbulkan pelbagai andaian dan kesan kognitif kepada pelajar. Hasil kajian menjelaskan terdapat sikap positif dan nilai kemanusiaan dalam diri “Mummy” iaitu nilai kasih sayang. Sikap positif dan nilai kemanusiaan iaitu sifat kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya ini dapat dijadikan teladan kepada pelajar kerana kasih sayang sangat penting dalam hubungan kekeluargaan.

Kata kunci: Seni bahasa, novel, sikap positif, nilai kemanusiaan, Teori Relevans.

ABSTRACT

The Secondary School Standard Curriculum (Kurikulum Standard Sekolah Menengah or KSSM) incorporates elements of language arts by retaining literary works in the learning syllabus. This is because language arts, or KOMSAS, serves as a tool to instill positive attitudes in students. The positive traits found in novels can serve as lessons for students. This study aims to analyze attitudes and human values in the events depicted in language arts novels that students can emulate. The research is conducted using a qualitative method with a full document

analysis approach. The researcher employs the Relevance Theory (Sperber & Wilson, 1986) as the theoretical framework. The data for this study are derived from the novel “Di Sebalik Dinara” by Dayang Noor (2014). To validate the moral value present in this novel, the researcher analyzes the expressions of the character Marilyn based on phrases such as “hugging her daughter,” “love you,” “don’t want to lose you,” and “warm kiss.” Through the use of Relevance Theory (RT) and Cross-reference Framework (CRF) analysis, it can be proven that Marilyn’s characterization is that of a mother who deeply loves and misses her long-lost child. Lexical choices like “hugging” and phrases like “don’t want to lose you again” and “love you” can have an existing cognitive impact on students. Based on the implicature generated, students can understand the positive attitudes and human values the author intends to convey through the expressions used. The study finds that the expressions in each event in the novel can evoke various assumptions and cognitive effects on students. The results of the study illustrate the presence of positive attitudes and human values in “Mummy,” namely the value of affection. The positive attitude and human value of a mother’s affection for her child can serve as an example for students, as affection is crucial in family relationships.

Keywords: *Language arts, novel, positive attitudes, human values, Relevance Theory.*

PENGENALAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard pendidikan antarabangsa. Elemen Kesusasteraan Melayu dalam Bahasa Melayu (KOMSAS) masih dikekalkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu tetapi dikenali Seni Bahasa. Pengenalan seni bahasa (KOMSAS) secara lebih meluas memfokuskan kepada pencapaian pelajar berdasarkan enam tunjang utama, iaitu komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai kemanusiaan, ketrampilan diri, perkembangan fizikal dan estetik serta sains dan teknologi. Keenam-enam tunjang ini merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan bagi melahirkan pemikiran kritis,

kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan untuk membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketrampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif (KSSM, 2018). Menerusi pembelajaran seni bahasa (KOMSAS), Nik Hassan Nik Ab. Kadir (2007) menyatakan murid berpeluang untuk membina nilai-nilai murni dan pembinaan sahsiah yang mulia. Elemen seni bahasa (KOMSAS) dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (Srikandi Saemah Samaon, & Mary Fatimah Subet, 2020a, 2020b). Melalui pelajaran seni bahasa (KOMSAS), pelajar dapat menghayati dan menyelami perasaan insan lain secara kreatif dan kritis seperti yang digambarkan dalam karya yang dibacanya, apatah lagi apabila bentuk, isi dan mesejnya berkaitan dengan perihai masyarakat dan nilai-nilai kehidupan (Amir Asyraff Jamin, & Mary Fatimah Subet, 2018, 2021; Mohd Khairul Adenan et al., 2019, Rozita Che Rodi, 2022, Waemasna Waeyusoh, & Yusniza Yaakub, 2023). Siti Farida Salleh et.al (2020) menyatakan melalui pembelajaran novel pelajar dapat merasai emosi yang pelbagai, sama ada sedih, gembira, teruja dan sebagainya melalui penghayatan terhadap sikap dan nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam novel. Nilai-nilai murni ini dapat membentuk sikap positif dalam diri pelajar melalui penghayatan pelajar terhadap watak-watak dalam novel yang dikaji.

Lanjutan pentingnya penghayatan pelajar untuk menghayati dan mendalami peristiwa dan ujaran-ujaran dalam novel seni bahasa ini, pengkaji menggunakan analisis pragmatik iaitu Teori Relevans (TR) yang diperkenalkan Sperber dan Wilson (1986) untuk membantu pelajar berfikir secara kritis dan kreatif untuk mentafsir sikap positif dan nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel seni bahasa (KOMSAS) dengan lebih baik. Kajian yang berkaitan dengan sastra yang menggunakan TR juga telah dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin, dan Norsimah Mat Awal (2006), Mary Fatimah Subet (2010, 2012), Ajeng Dianing Kartika (2012), Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2011), Azzahra Egeng, Ferina Kumala Dewi, & Riza Sukma (2016), Muhammad Zaid Daud (2018a, 2018b, 2020), Srikandi Saemah Samaon, dan Mary Fatimah Subet (2020a; 2020b), George Romiko Bujang dan Mary Fatimah Subet (2022a). Hasil kajian-kajian ini jelas bahawa penggunaan TR diperkukuhkan dengan Rangka Rujuk Silang (RRS) mampu mentafsir makna sebenar sikap positif dan nilai kemanusiaan dalam data atau ujaran dalam kajian tersebut.

Ekoran itu, pengkaji berminat untuk membuat kajian ini bagi melihat secara lebih mendalam pendekatan Teori Relevans (TR) dalam elemen seni bahasa (KOMSAS) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu pelajar di sekolah menengah. Kajian ini penting untuk melihat penggunaan pendekatan Teori Relevans dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa (KOMSAS) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu sekali gus menjana pemikiran KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa (KOMSAS) dalam kalangan pelajar. Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan mengkaji pendekatan TR dan RRS dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa (KOMSAS) di samping mendidik pelajar menganalisis bahan seni bahasa (KOMSAS) yang mereka pelajari. Antara objektif kajian ini adalah untuk mengaplikasi pendekatan Teori Relevans dalam pembelajaran seni bahasa novel, dan menganalisis nilai positif dan nilai kemanusiaan dalam elemen seni bahasa novel Bahasa Melayu dengan pendekatan Teori Relevans.

SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan pendekatan TR dan sastra banyak dilakukan oleh para penulis akademik seperti Nor Hashimah Jalaluddin dan Norsimah Mat Awal (2006), Mary Fatimah Subet (2010, 2012), Ajeng Dianing Kartika (2012), Nor Hashimah Jalaluddin, et al. (2011), Azzahra Egeng, et al. (2016), Muhammad Zaid Daud (2018a, 2018b, 2020), Srikandi Saemah Samaon, dan Mary Fatimah Subet (2020a; 2020b), George Romiko Bujang, dan Mary Fatimah Subet (2022b).

Kajian mengenai citra lelaki dalam prosa Melayu oleh Nor Hashimah Jalaluddin dan Norsimah Mat Awal (2006) menggunakan pendekatan TR untuk melihat keperibadian lelaki khususnya golongan lelaki Melayu dengan membandingkan citra lelaki dulu dan kini. Tanggapan orang Melayu dari dahulu lagi sememangnya sangat menyanjung citra lelaki sebagai seorang yang berkuasa, tempat bergantung bagi seorang wanita, kuat, sentiasa “tidak bersalah” dalam tindak-tanduknya telah menggambarkan bahawa dunia ini milik lelaki dengan menganalisis watak dalam filem tahun 1960-an seperti filem “Keluarga 69” dan “Anak Bapak” bagi mewakili lelaki dulu dan watak dari novel “Ombak Rindu” (2002), “Salam Maria” (2004) dan Pemburu Bayang” (2005) bagi mewakili lelaki kini. Kajian yang dianalisis menggunakan TR mendapati citra lelaki Melayu dulu dan kini tidak banyak berubah.

Gambaran ciri yang sama dari zaman 1960-an hingga ke hari ini iaitu (i) bernafsu seks, (ii) kuasa, (iii) baik hati dan (iv) boleh berubah menjadi bertanggungjawab selepas berkahwin. Ciri baik hati, suka menolong bertukar menjadi suami yang penyayang selari dengan tuntutan masyarakat Melayu jelas kelihatan. Dengan ini, akar jati diri Melayu yang terkenal dengan lembut hati masih ada tertanam pada watak-watak lelaki Melayu tersebut.

Kajian Mary Fatimah Subet (2010; 2012) membuktikan aplikasi TR dapat menganalisis makna-makna tersirat dalam bahasa figuratif (BF). Dapatan kajian ini membuktikan BF sememangnya mempunyai dua makna, iaitu makna eksplisit dan makna implisit. Salah satu data kajian beliau iaitu “ombak emosiku” dalam sajak “Gadis Kecil” secara harfiahnya bermaksud perasaan yang pasang surut mempunyai dua andaian berbeza. Makna andaian yang pertama iaitu “emosi yang tidak menentu” manakala makna andaian yang kedua iaitu “sedih dan sayu, malu, kagum, tabah dan berani”. Hal inilah membuktikan dengan menggunakan analisis TR, makna tersirat dalam satu-satu leksikal dapat diterokai dan difahami oleh pembaca dengan mudah. Dapatan analisis baris “Dua nisan terkapar mati” membuktikan analisis TR dapat memberikan makna implisit dan makna tersirat dalam baris sajak tersebut. “Dua nisan terkapar mati” secara harfiahnya bermaksud batu nisan telah tumbang dan lalang yang banyak dan tinggi telah menyelaputi batu nisan. Dengan menggunakan analisis TR, makna “Dua nisan terkapar mati” diterokai untuk mendapat makna tersirat. Dengan menggunakan kod “nisan” dan inferen “kematian” hasil analisis TR ini memberi seberkas andaian bagi kepada pembaca. Andaian pertama iaitu “kematian itu telah lama berlaku”, andaian kedua pula “nisan telah kabur dan susah dibaca”, andaian ketiga “nisan tidak dijaga dan dibersihkan, nisan berlumut”, andaian keempat “nisan hampir rebah/senget, nisan retak dan andaian kelima “sudah lama tiada orang mengunjungi pusara itu”. Kajian ini membuktikan dengan seberkas andaian boleh bertindak sebagai rangsangan untuk mengetahui maksud sebenar yang hendak disampaikan oleh penutur.

Analisis Kehidupan Seorang “Pelacur Tua” kajian Nor Hashimah Jalaluddin, et al. (2011) turut menggunakan TR untuk menganalisis BF yang menjurus kepada perasaan seorang pelacur dan perasaan yang dirasai oleh masyarakat umum terhadap pelacur. Analisis TR digunakan bagi mencari makna implisit di sebalik makna eksplisit. Perasaan bercampur baur rasa gelisah, tidak selesa, sunyi, penat,

sedih, menyesal dan sebagainya dapat dirungkaikan di sebalik rasa gembira dan mudah mendapat wang. Dengan dapatan ini, pembuktian secara lebih saintifik terhadap pelbagai perasaan itu dapat diterokai melalui analisis TR.

Kajian Wong (2013; 2014) membuktikan penggunaan TR dapat menjelaskan makna implisit dan makna kontekstual data yang dikaji. Kajian yang menggunakan TR ini membincangkan unsur implisit dalam menyampaikan mesej. Dengan menggunakan data kata “kota”, “racun” dan frasa “satu pasar yang besar”, dalam kajiannya yang bertajuk *Keharmonian Kaum Dalam Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans* (2013) pengkaji mengkaji makna implisit. Melalui kata “kota” pengkaji menjelaskan maknanya secara linguistik iaitu “penghalang atau sesuatu yang memisahkan”. Menerusi data ini, beberapa andaian telah dinyatakan oleh pengkaji. Andai pertama, “dasar pecah dan perintah”, andaian kedua “bandar besar yang dikelilingi benteng”, andaian ketiga “menjadi penghalang kepada sesama manusia”, andaian keempat “batu-bata yang mengelilingi kediaman” dan andaian kelima “manusia”. Dengan menggunakan analisis TR, andaian yang paling relevan iaitu “dasar pecah dan perintah” dapat dibuktikan dengan penambahan maklumat dan pengembangan ayat pemula iaitu “Seperti yang kita tahu kerajaan British memerintah dengan cara dibuatkan-nya **kota**...”. Begitu juga kajian Wong (2014) yang bertajuk *Penggunaan Simbol Dalam Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans* menggunakan teori yang sama untuk mengkaji penggunaan simbol dalam teks ucapan. Penginterpretasian makna selain makna linguistik yang diterapkan dalam TR amatlah penting untuk menentukan makna konteks yang ingin disampaikan oleh penutur. Hasil kajian menjelaskan penggunaan simbol yang menggunakan unsur konkrit seperti “ribut taufan, racun dan kota”, dapat membantu pendengar menginterpretasikan makna yang hendak disampaikan oleh Tunku.

Analisis TR turut diaplikasikan dalam kajian Srikandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet (2020a, 2020b) melalui tulisan Perwatakan dalam novel KOMSAS “Di Sebalik Dinara”: Analisis Teori Relevans (2020a) dan Teori Relevans dalam Pembelajaran KOMSAS (2020b). Dengan menggunakan data daripada novel *Di Sebalik Dinara*, pengkaji menganalisis peristiwa-peristiwa dalam novel untuk mentafsir perwatakan watak yang terdapat dalam novel tersebut menggunakan pendekatan TR yang mementingkan

konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat bagi membantu pembaca memahami citra atau perwatakan watak dalam novel tersebut. Pengkaji menggunakan data: *“Aku tak fahamlah abang aku ni. Kenapa nak pasang retinal scanner pula? Dahlah dia sambungkan interkom rumah ni dengan telefon rumah dia.” Farisha berasa rimas dengan tindakan abang sulungnya....* (Di Sebalik Dinara; ms 10). Melalui data ini, pengkaji mentafsir makna logik data sebagai “Tindakan abangnya yang telah memasang retinal scanner di rumah Farisha telah menyebabkan Farisha berasa rimas lebih-lebih lagi abangnya juga telah menghubungkan interkom rumahnya terus ke rumah abangnya”. Pengkaji menganalisis leksikal ‘*rimas*’ untuk menerangkan makna eksplikatur. Usaha memproses maklumat bermula dengan pemahaman makna logik leksikal ‘*rimas*’ boleh ditakrifkan sebagai sesuatu yang bersifat perasaan. Frasa ‘Farisha berasa ‘*rimas*’ dengan tindakan abang sulungnya....’ dibantu dengan maklumat logik atau pengetahuan sedia ada pembaca mencetuskan pelbagai andaian implikatur, maka pelbagai andaian implikatur mengenai perwatakan dan sifat Farisha iaitu (1) tidak suka dikongkong, (2) tidak senang hati disekat pergerakannya dan (3) tidak selesa dikawal ketat oleh abangnya dan (4) tahu menjaga diri sendiri. Dengan bantuan pengetahuan sedia ada, pelajar boleh membuat kesimpulan implikatur iaitu Farisha tahu menjaga keselamatan diri tanpa kawalan ketat daripada abangnya.

Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet (2021) dalam tulisan Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik turut menggunakan TR untuk menganalisis data kajian. Pengkaji menganalisis lirik lagu secara mendalam bagi setiap tujuh rangkap untuk mengesan implikatur yang dapat dikaitkan dengan senario politik semasa di Malaysia. Berdasarkan data yang dianalisis, pengkaji memperluaskan makna konsep secara implisit yang boleh dikaitkan dalam konteks politik tempatan. Contoh data yang dianalisis pengkaji iaitu “Penjaga Gunung Negeri Sarawak” telah dianalisis terlebih dahulu dengan memberi makna konsep “penjaga” secara implikatur sebagai orang atau ahli politik yang menjaga (memberi perlindungan dan memelihara). Secara implisitnya, konsep “penjaga” ditafsir sebagai amanat yang diberikan oleh rakyat kepada wakil rakyat dalam satu-satu pilihan raya yang diadakan bagi menyuarakan masalah yang dihadapi rakyat bagi kawasan yang mereka wakili serta berperanan dalam mengubal undang-undang. Jelas dengan analisis TR, konsep “penjaga” dapat memberi kesan kognitif yang tinggi dan dapat ditafsir secara relevan.

George Romiko Bujang dan Mary Fatimah Subet (2022a) dalam kajian mereka *Memperkasakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Mengungkai Makna Di Sebalik Bahan Seni Bahasa: Satu Pendekatan Semantik Inkuisitif*, pengkaji menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dan sub konsep TR iaitu RRS untuk menganalisis data kajian. Dengan menggunakan 10 orang responden kajian dilakukan menggunakan data “tegak semangat mengalun lagu” daripada sajak bertajuk “Demi Negara” karya Pena Aima (2020). Pengkaji menganalisis data dengan menjelaskan makna harfiah ujaran tersebut, namun belum dapat mengunkaikan makna sebenarnya ujaran tersebut. Pengkaji kemudian menggunakan analisis TR yang menekankan maklumat konteks dan peranan kognitif untuk mencapai kerelevanan ujaran. Hasil analisis terdapat tiga bentuk andaian dikenal pasti berdasarkan data ujaran iaitu (i) ‘dengan penuh perasaan, (ii) ‘melafazkan ikrar dan janji taat setia’ (iii) ‘cinta akan tanahair’. Maklumat ini telah tersimpan sedia ada dalam memori jangka panjang pelajar dan sangat mudah untuk mengarah pelajar ke arah mencipta kesan kognitif yang disyaratkan dalam TR.

Kajian menggunakan RRS oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2009) dalam kajiannya *Penelitian Makna Imbuhan Pen-* Dalam Bahasa Melayu: satu Kajian Rangka Rujuk Silang menjelaskan rangka rujuk silang (RRS) yang membenarkan kepada penggantungan konteks boleh membantu pendengar mencungkil makna yang dihajati. Contohnya ‘Pemakan sayur’ dan ‘perosak bahasa’ tidak memerlukan atribut tambahan bagi menjelaskan yang peN- itu adalah manusia. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2003) lagi rangka rujuk silang mengizinkan penggantungan konteks daripada anteseden yang wujud dalam sesebuah ujaran. Kadang-kadang maklumat awal mengenai apa yang diperkatakan tidak wujud dalam ujaran yang didengar tetapi premis tambahan yang mampu membantu penginterpretasian makna. Premis tambahan ini diperolehi dari konteks ujaran tersebut. Gabungan daripada kedua-dua TR dan rangka rujuk silang, penghuraian makna imbuhan peN- akan menjadi lebih elegan dan sistematik.

Begitu juga kajian yang telah dilakukan oleh George Romiko Bujang dan Mary Fatimah Subet (2022b) yang bertajuk “Meneroka Makna Ungkapan Dalam Bahan Seni Bahasa Tahun Lima: Satu Analisis Semantik Inkuisitif” menyatakan penggunaan RRS pada peringkat kedua analisis semantik inskuisitif menjadikan pembelajaran pendidikan seni bahasa lebih menarik, bermakna dan menyeronokkan.

Hal ini kerana RRS ialah ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama namun premis tambahan mampu menginterpretasi maklumat yang wujud dengan baik. Hal ini bermakna anteseden yang diperoleh melalui RRS memastikan maklumat terdahulu dan maklumat yang wujud selepasnya mampu menyediakan konteks yang jelas ditambah pula peranan kognisi pendengar telah berjaya menghasilkan interpretasi yang tepat terhadap makna.

‘Ayuh, bangsaku. Bangkitlah kita berjuang. Selagi hidup berjiwa hamba, pasti tetap terjajah abadi’, kata Tok Penghulu kepada anak-anak buahnya.

Berdasarkan analisis RRS di atas, murid berupaya memahami makna ungkapan *‘selagi hidup berjiwa hamba, pasti tetap terjajah abadi’* melalui pengalaman lepas. Maklumat tambahan pertama yang diperoleh oleh murid untuk memahami ungkapan ini ialah *‘bangkitlah berjuang’*. Hal ini kerana ayat ini tidak mempunyai anteseden sedangkan ungkapan *‘selagi hidup berjiwa hamba, pasti tetap terjajah abadi’* mempunyai makna tersirat yang perlu diterjemahkan dalam bentuk yang tersurat. Oleh itu, dengan wujudnya konteks *‘bangkitlah kita berjuang’*, menjadi maklumat tambahan untuk membolehkan murid memahami ungkapan dalam bingkisan sajak ini.

METODOLOGI KAJIAN

Novel kajian ini karya Dayang Noor (2014) yang diterbitkan sebagai novel kajian murid-murid sekolah di peringkat menengah atas. Novel ini terdiri daripada 14 bab yang dicetak dalam 227 muka surat. Dalam kajian ini, kaedah kualitatif digunakan sepenuhnya oleh pengkaji untuk menganalisis teks. Data kajian diperoleh daripada novel seni bahasa (KOMSAS) bertajuk “Di Sebalik Dinara” karya Dayang Noor (Dayang Noor, 2014) memaparkan watak utama Farisha dan dibantu watak sampingan seperti Azraai, Aqram, Medina (Marilyn), Shida, Dr Maxi, Rosman dan Karl. Untuk memudahkan pengumpulan dan pemilihan data, pengkaji telah mengkategorikan data berdasarkan perkataan atau frasa. Hal ini kerana perkataan merupakan unit ujaran yang bebas dan bermakna (Nik Safiah Karim, et.al. 2008). Perkataan atau frasa juga boleh menjadi kumpulan kata atau apa-

apa yang diucapkan oleh orang dan membawa makna linguistik yang mudah difahami dan mempunyai makna yang tersirat. Menurut Mary Fatimah Subet (2010), makna linguistik mudah difahami secara literal namun penginterpretasian secara lebih mendalam perlu dilakukan untuk mendapat makna sebenar ujaran implisit. Jadi untuk mendapatkan makna sebenar atau makna implisit dalam kaian ini, pengkaji menekankan penggunaan perkataan dan frasa dalam data ujaran yang dipilih daripada novel kajian.

Sebelum perbincangan lebih mendalam, pengkaji rumuskan dahulu sinopsis novel *Di Sebalik Dinara* berdasarkan buku panduan pengajaran Komsas oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK).

Sinopsis Novel *Di Sebalik Dinara*

“Farisha berkenalan dengan Aqram dalam penerbangan dari Nusa Jaya ke KLIA. Tanpa disedari, Aqram telah mengambil cawan minuman Farisha dengan tujuan untuk menguji DNA gadis itu. Jurutera keselamatan sistem itu tidak dapat memasuki rumahnya kerana Azraai (abang Farisha) telah memasang pengimbas retina pada pintu rumahnya yang disewa bersama-sama Shida. Azraai bimbang akan keselamatan adiknya. Keesokan hari, Farisha dan Rosman bertemu dengan Aqram di sebuah simposium. Aqram menawarkan sebuah projek mini kepada mereka. Beberapa hari kemudian, Farisha menyatakan persetujuannya terhadap projek itu. Aqram memperkenalkan Farisha dan Rosman kepada Dr. Maxi. Mereka berada di rumah kepunyaan Karl iaitu seorang penyelidik di Soft Lab yang banyak berjasa malah pernah menerima anugerah inovasi peringkat kebangsaan. Dr. Maxi menawarkan RM1.5 juta kepada Farisha dan Rosman untuk menggadam tiga kelompok komputer Soft Lab dalam tempoh empat minggu.

Kini, Karl terlantar akibat barah dan projek Dinara di Soft Lab terhenti. Farisha dan Shida memulakan kerja di Soft Lab. Shida diminta oleh Soft Lab untuk menulis sebuah rencana manakala Farisha akan menggadam dan mengukuhkan sistem Dinara. Farisha diperlukan oleh Dr. Maxi untuk rancangan mereka manakala Shida pula ialah *physical backup* kepada Farisha. Rakan kongsi Farisha iaitu Rosman tidak dapat bersama-sama di Soft Lab kerana mengurus projek di Senawang. Pagi berikutnya, Farisha telah dipukau oleh Alia

berdasarkan arahan Dr. Maxi. Dalam keadaan bawah sedar, Alia telah berkomunikasi dengan Karl yang meminta pertolongan Farisha untuk menyelamatkan Dinara. Hal ini mengundang kemarahan Alia yang menyangka Farisha menjalin hubungan dengan Karl. Ketika makan tengah hari, Shida mengungkapkan persoalan tentang Medina yang menghilangkan diri secara tiba-tiba dari Soft Lab. Pada pendapat Farisha, kehilangan Medina bukanlah persoalan yang besar.

Semasa meneliti kontrak yang diberikan oleh Soft Lab, Farisha mengalami sakit kepala secara tiba-tiba. Rosman, Farisha dan Shida memutuskan untuk pulang ke rumah. Uncle Seng, pemilik kedai runcit di bangunan itu memberitahu mereka bahawa dia melihat dua orang yang kelihatan mencurigakan namun tiada laporan polis dibuat. Dua malam kemudian, Farisha mengunjungi Azraai dan keluarganya. Dia terkejut apabila mendapat tahu bahawa Azraai terkena serangan jantung dan hakikat bahawa dia ialah anak angkat kepada keluarga Azraai.

Keesokan pagi, Farisha pengsan di Soft Lab lalu dikejarkan ke hospital. Aqram mendapatkan Shida untuk mengetahui penyakit yang sedang dihadapi oleh Farisha namun Shida tidak tahu apa-apa mengenainya. Dr. Maxi bersedia dengan Plan B iaitu menyediakan Shida sebagai pengganti Farisha. Di rumah, Shida mencari bukti tentang penyakit Farisha tetapi tidak berjaya sebaliknya dia mengetahui rahsia Farisha yang merupakan anak angkat. Di hospital, Farid dan Amin menggunakan peranti untuk mendapatkan maklumat daripada fikiran Farisha dan berjaya. Selepas mereka beredar, Aqram pula datang dan mengukur tahap kesihatan gadis itu. Kesihatannya amat tidak memuaskan. Dr. Maxi mengarahkan Aqram, Khairul Anwar dan Alia bersedia untuk menyediakan Shida sebagai pengganti Farisha. Keesokannya, Shida menjalani sesi bawah sedar untuk berkomunikasi dengan Karl. Dr. Maxi hanya menghentikan sesi tersebut setelah lima minit walaupun Shida menunjukkan tindak balas di luar jangkaan. Farisha pula dihubungi oleh *mummy* melalui minda bawah sedar. Di suatu tempat yang lain, Farid dan Amin kehairanan melihat Marilyn kegembiraan. Rupanya Marilyn (*mummy*) telah dapat berhubung dengan Farisha. Di Soft Lab, Shida yang kemurungan mengurungkan diri di bilik Farisha. Aqram mencuba menerobos minda Shida namun gagal.

Di hospital, Azraai memberitahu Farisha tentang ibu kandung Farisha. Setelah Farisha memaklumkan Azraai bahawa *mummy* telah

menghubunginya, Azraai membawa Farisha keluar dari hospital lalu menuju ke selatan. Di Soft Lab pula, Shida berhubung dengan Karl melalui sesi bawah sadar. Karl mengarahkan supaya Farisha dibawa ke situ kerana virus yang disusup ke dalam Dinara akan diaktifkan lalu memusnahkan Dinara serta ribuan manusia. Dalam perjalanan ke Kulai, Farisha diculik oleh orang suruhan *mummy*. Karl (Shida) mendedahkan kisah silamnya. Antaranya ialah penyeksaan terhadap seorang wanita hingga cacat dan pendedahan identiti sebenar Khairul Anwar. Alia mengakui bahawa dialah wanita cacat yang diseksa oleh Karl kerana enggan meninggalkan agamanya. Medina pernah menjalani proses seperti Shida tetapi gagal. Rosman dan Azraai menuju ke Soft Lab. Keadaan di Soft Lab semakin tegang apabila Karl (Shida) menyanyikan lagu yang didendangkan setiap kali dia selesai menyeksa Alia. Aqram merayu kepada Dr. Maxi supaya mengembalikan diri Shida yang sedia kala. Marilyn berusaha mengambil hati Farisha dengan menceritakan perkara sebenar yang terjadi. Melalui telefon, Dr. Haris memberikan amaran tentang kesihatan Karl yang semakin merosot namun tidak dipedulikan oleh Dr. Maxi. Karl (Shida) berusaha untuk menghapuskan virus dalam Dinara dengan menggunakan komputer table. Kedatangan Marilyn (Medina / *mummy*) ke Soft Lab telah membongkar rahsia bahawa Marilyn (Medina / *mummy*) dan Karl ialah ibu bapa kandung Farisha. Karl (Shida) dipengsankan kerana Karl yang sebenar sedang nazak.

Semua orang bergegas ke rumah Karl. Mereka diberikan peluang untuk berjumpa dengan Karl buat kali terakhir. Karl menghembuskan nafas terakhir tepat pada pukul 7.00 malam. Wasiat terakhir Karl ialah mayatnya dibakar, dan abunya ditabur di Selat Melaka. Upacara dijalankan di Port Dickson. Shida yang berkelakuan aneh menyebabkan Aqram berpendapat bahawa Karl masih berada dalam diri Shida. Farisha yang terkejut berlari mendapatkan Marilyn. Apabila Karl (Shida) menyatakan bahawa dia tidak sanggup meninggalkan Akeem, Aqram terus terdiam.
(Petikan PPK, 2016)

Bagi mengupas sikap positif dan nilai kemanusiaan dalam novel seni bahasa ini, pengkaji menggunakan data kajian yang berfokuskan watak Medina (Marilyn) dan hanya melibatkan 10 orang pelajar. Data kajian ini kemudiannya akan dianalisis menggunakan Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986) yang menekankan konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Nor Hashimah Jalaluddin (2003) menekankan

tiga gagasan utama dalam TR adalah konteks, kesan kognitif dan usaha memproses.

i. Konteks

Nor Hashimah Jalaluddin (2003) dalam Mary Fatimah Subet (2010), menjelaskan konteks dalam TR merupakan adanya kewujudan seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Konteks boleh wujud melalui pelbagai cara, misalnya terbina melalui pengamatan terhadap persekitaran yang melingkari kehidupan seharian, kata-kata yang telah dan baru sahaja diujarkan yang masih kekal dalam ingatan, perkara yang melibatkan masa depan, hipotesis saintifik, kenangan manis, pahit atau lucu, andaian tentang budaya dan kepercayaan yang ada pada penutur dan sebagainya.

ii. Kesan kognitif

Merupakan andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar itu. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2003), kesemua ini tersimpan sebagai catatan ensiklopedia. Dalam perbualan, pendengar akan menggabungkan atau memperkuat, atau menggugurkan konteks yang dikemukakan oleh penutur dengan andaian awal yang sedia ada untuk menghasilkan kesan kognitif.


iii. Usaha memproses

Merupakan usaha yang penting dalam menginterpretasikan makna ujaran. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2003), usaha memproses ini merujuk kepada usaha memproses maklumat oleh pendengar. Bagi penutur pula, usaha memproses juga penting untuk memastikan yang ujarannya boleh difahami dengan mudah oleh pendengar. Beliau menegaskan bahawa mengikut TR, semakin rendah usaha memproses maklumat, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran.

Analisis diperkukuhkan lagi dengan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986) Pengkaji membuat analisis TR dan RRS mengikut beberapa peringkat iaitu data kajian, eksplikatur (bentuk logik), implikatur, kesimpulan implikatur dan makna sebenar (Daud & Subet, 2021). Data kajian ini dianalisis berdasarkan peringkat-peringkat berikut.

Rajah 1

Proses Analisis Data Kajian



ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan Rajah 1, pengkaji akan memilih data ujaran berdasarkan watak-watak yang dalam novel tersebut. Bagi kajian ini pengkaji memilih watak Marilyn yang dikaitkan secara langsung dengan watak utama iaitu Farisha. Setiap ujaran dan tindakan watak-watak ini menjadi data kajian dan akan dianalisis pada peringkat seterusnya.

Kemudian data ujaran ini dianalisis secara eksplikatur bagi mendapat makna logik bagi menimbulkan kesan konteks dalam diri pelajar. Kesan konteks yang wujud ditambah dengan pengetahuan sedia ada pelajar akan mewujudkan kesan kognitif bagi menghasilkan pelbagai andaian implikatur. Seterusnya akan dianalisis pula secara implikatur bagi mentafsirkan makna. Kesan kognitif yang wujud bagi setiap data dapat memberi makna implisit terhadap data yang dianalisis. Berdasarkan pengetahuan dan pengalaman dalam diri pelajar, pelajar mampu mentafsirkan makna ujaran dalam data yang dikaji.

Akhirnya pengkaji membuat kesimpulan makna implikatur bagi data ujaran yang telah dianalisis bagi mendapatkan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis berdasarkan data ujaran yang dikaji. Daripada segi usaha memproses, berdasarkan Teori Relevan jika kesan konteks tinggi, maka secara langsung usaha memproses menjadi rendah. Jadi di sini, jika kesan konteksnya tinggi dan usaha memproses itu rendah, maka relevanlah ujaran itu. Menurut Ritos dan Daud (2020), penerapan teori yang mampan seperti TR dan RRS diperlukan supaya huraian data disokong dan mampu membentuk aturan konsepsi dan membekalkan kemudahan bagi menjelaskan fenomena yang kompleks dalam berbahasa.

Data kajian ini dianalisis bermula daripada analisis eksplikatur iaitu bentuk logik bagi memahami makna frasa “mendakap anak gadisnya” dan “sayangkan kamu”. Data kajian yang diambil daripada novel Di Sebalik Dinara adalah seperti berikut:

Data 1:

Marilyn yang bersusuk tubuh kurus tinggi itu meneruskan hajatnya untuk mendakap. Anak gadisnya yang sudah 26 tahun tidak bertemu “Mummy sayang kamu. “Mummy” tidak mahu kehilangan kamu lagi.” Satu kucupan hangat singgah di pipi Farisha.

(Dayang Noor, 2014)

Data 2:

Dia tetap cemburu akan wanita-wanita yang mendampingi Karl. Medina tidak terkecuali. Mungkin cintanya terhadap bekas suaminya itu terlalu agung sehingga tidak mampu dikikis oleh sesiapa.

(Dayang Noor,2014)

Analisis eksplikatur - Data 1: Marilyn yang bersusuk tubuh kurus tinggi itu meneruskan hajatnya untuk mendakap.anak gadisnya yang sudah 26 tahun tidak bertemu “Mummy sayang kamu. “Mummy”tidak mahu kehilangan kamu lagi.” Satu kucupan hangat singgah di pipi Farisha. (Noor,2012). Bagi memahami makna literal frasa bentuk logik “mendakap anak gadisnya” dan “sayangkan kamu”.

Jadual 1

Eksplikastur – Bentuk Logik Data “mendakap anak gadisnya” dan “sayangkan kamu”

Eksplikatur	Bentuk logik
- “mendakap anak gadisnya”	- “mendakap” (berdakap) – berpeluk (untuk melepaskan rindu) “mendakap anak gadisnya” – berpeluk (memeluk anak gadisnya untuk melepaskan rindu)
-“sayangkan kamu”	- “sayangkan” (sayang) – mengasihi, mencintai, kasihan, berasa belas, kasih, cinta

(Kamus Dewan Edisi Keempat,2016)

Melalui data ini, pengarang cuba menyampaikan sikap positif dan nilai kemanusiaan yang terdapat pada watak “*Mummy*” iaitu Marilyn yang digambarkan sangat rindu akan anak gadisnya yang telah terpisah selama 26 tahun. Melalui ujaran Marilyn, pengarang dapat memberi kesan kognitif kepada pelajar berdasarkan makna literal frasa-frasa yang terdapat dalam ujaran tersebut. Usaha memproses maklumat berdasarkan makna literal frasa-frasa penting dalam ujaran ini akan mencetuskan pelbagai andaian dalam pemikiran pelajar seperti berikut:

Jadual 2

Analisis Implikatur

Implikatur
1. seorang yang merindui anaknya
2. seorang yang sentiasa mengingati anaknya
3. seorang yang menyayangi anaknya
4. seorang yang menderita mengenang anaknya
5. seorang yang ingin selalu dekat dengan anaknya

Setelah membuat andaian implikatur, pelajar kemudiannya memproses kesan kognitif dengan bantuan pengetahuan sedia ada untuk membuat kesimpulan implikatur bagi andaian yang telah dibuat. Perkara ini membantu pelajar mengenal pasti makna tersirat di sebalik andaian-andaian yang telah dibuat. Berdasarkan analisis implikatur, pelajar boleh merumuskan makna tersirat bagi ujaran data kajian ini seperti berikut:

Jadual 3

Kesimpulan Implikatur

Implikatur	Bilangan pelajar	Kesimpulan implikatur
i. seorang yang merindui anaknya	2	Seorang yang penyayang (menyayangi anak gadisnya)
ii. seorang yang sentiasa mengingati anaknya	2	
iii. seorang yang sangat menyayangi anaknya	5	
iv. seorang yang menderita mengenang anaknya	1	
v. seorang yang ingin selalu dekat dengan anaknya	0	

Responden kajian merupakan pelajar yang kurang pengetahuan dan mengalami kesukaran untuk mempelajari sastra. Pengkaji mendapati pelajar bersikap pasif dalam pengajaran dan pembelajaran sastra serta tidak menunjukkan minat untuk mempelajari sastra dan tidak suka membaca karya sastra. Pelajar hanya membaca sastra untuk persediaan menghadapi peperiksaan atau ujian. Oleh itu, pengkaji yakin pelajar-pelajar ini sesuai dijadikan responden untuk kajian yang dijalankan. Pengkaji hanya memilih 10 orang pelajar sebagai responden. Ini bersesuaian dengan pendapat Liamputtong (2014), saiz sampel yang kecil antara satu hingga lima data kajian sudah mencukupi asalkan sampel berkenaan memenuhi kriteria pensampelan.

Berdasarkan pemerhatian daripada respon 10 orang pelajar, didapati seramai 5 orang pelajar membuat andaian “seorang yang sangat menyayangi anaknya” lebih tinggi berbanding dengan andaian-andaian yang lain. Hal ini kerana pelajar berpendapat disebabkan sikap penyayang seseorang itu, akan menyebabkan seseorang itu akan ingin selalu memeluk, sentiasa merindui, mengingati, menderita sekiranya kehilangan orang yang disayang dan sentiasa ingin berada dekat dengan orang yang disayangi. Kesimpulan implikatur ini secara tidak langsung menjelaskan makna sebenar sikap positif dan nilai kemanusiaan yang ada pada watak Marilyn ialah nilai kasih sayang iaitu seorang ibu yang sangat menyayangi anak gadisnya.

Penjelasan makna implisit sikap dan nilai kemanusiaan watak Marilyn ini diperkukuhkan lagi melalui pendekatan rangka rujuk silang (RRS) seperti berikut:

Marilyn yang bersusuk tubuh kurus tinggi itu meneruskan hajatnya untuk mendakap anak

gadisnya yang sudah 26 tahun tidak bertemu. “Mummy sayang kamu. “Mummy” tidak mahu

kehilangan kamu lagi.” Satu kucupan hangat singah di pipi Farisha.

Sikap positif dan nilai kemanusiaan pada watak Marilyn sebagai seorang ibu yang sangat menyayangi anaknya dapat dibuktikan melalui pendekatan RRS ini. Penggunaan frasa “*mendakap anak gadisnya*” dan frasa “*Mummy sayangkan kamu*” memberi kesan kognitif

kepada pelajar ditambah pula dengan pengetahuan sedia ada pelajar berdasarkan pembacaan novel seni bahasa ini dapat menjelaskan sikap penyayang Marilyn. Sikap positif dan nilai kemanusiaan dalam diri Marilyn ini diperkukuhkan lagi dengan kehadiran frasa “*Mummy tidak mahu kehilangan kamu lagi*” dan “*satu kucupan hangat singgah di pipi Farisha*” membuktikan perasaan rindu yang mendalam dan kuatnya kasih sayang Marilyn sebagai seorang ibu terhadap anak gadisnya (Farisha) yang telah terpisah selama 26 tahun. Frasa “*mendakap anak gadisnya*” dan “*satu kucupan hangat singgah di pipi Farisha*” ini menggambarkan tindakan spontan seorang ibu yang terlalu merindui anaknya yang telah lama terpisah menjelaskan betapa dalamnya kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya. Sudah menjadi lumrah bahawa naluri seorang ibu pasti akan menyayangi anaknya walaupun mereka telah lama terpisah. Tindakan Marilyn ini menonjolkan sikap positif dan nilai kemanusiaan yang patut dijadikan teladan dalam hubungan kekeluargaan terutamanya dalam hubungan ibu dan anak walaupun mereka telah lama terpisah.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa, penggunaan TR dan RRS untuk menganalisis data kajian yang diambil daripada novel seni bahasa (KOMSAS) adalah relevan. Kesan kognitif yang diperoleh oleh pelajar melalui pendekatan analisis TR dan RRS dapat memberi makna implisit kepada pelajar. Malah, pelajar dapat menghayati dan mendalami setiap ujaran data kajian yang terdapat dalam novel seni bahasa (KOMSAS) dengan lebih bermakna. Dapatan kajian ini, sejajar dengan dapatan kajian sarjana-sarjana Nor Hashimah Jalaluddin, & Norsimah Mat Awal (2006), Mary Fatimah Subet (2010, 2012), Ajeng Dianing Kartika (2012), Nor Hashimah Jalaluddin, Mary Fatimah Subet, & Dayang Sariah Abang Suhai (2011), Azzahra Egeng, Ferina Kumala Dewi, & Riza Sukma (2016), Muhammad Zaid Daud (2018a, 2018b, 2020), Srikandi Saemah Samaon, dan Mary Fatimah Subet (2020a; 2020b), George Romiko Bujang dan Mary Fatimah Subet (2022a), Noorsaiyidah Suradi dan Muhammad Zaid Daud (2023) serta Nur Farain Ali dan Muhammad Zaid Daud. (2023).. yang mengaplikasikan TR dn RRS dalam kajian-kajian yang berkaitan bahasa figuratif, peribahasa, partikel, citra lelaki, konsep ruang, penggunaan simbol dalam ucapan, kajian novel

dan sajak telah membuktikan pengaplikasian TR dan RRS adalah relevan. Keadaan ini kerana selagi ujaran itu boleh menimbulkan kesan konteks dalam konteks yang dibincangkan, ujaran itu adalah relevan selaras dengan pendapat Sperber dan Wilson dalam *Relevan Komunikasi dan Kognisi* (Nor Hashimah Jalaluddin, 1999) bahawa sesuatu andaian adalah relevan dalam konteks jika dan hanya jika ia mempunyai beberapa kesan konteks dalam konteks tersebut. Kajian ini dapat mencapai objektifnya iaitu menerapkan pendekatan TR dalam pembelajaran novel seni bahasa (KOMSAS) dalam meneladani sikap positif dan nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Oleh itu, pengkaji berpendapat pengaplikasian TR dan RRS ini boleh dimanfaatkan dalam pembelajaran seni bahasa novel (KOMSAS) di sekolah-sekolah sebagai salah satu pendekatan yang lebih berkesan ke arah kemahiran berfikir aras tinggi. Semoga dengan adanya kajian terkini berkaitan pendekatan TR dan RRS ini dapat menggalakkan lagi kajian-kajian yang berkaitan dalam pelbagai bidang demi meningkatkan kemahiran dan ilmu pragmatik dalam kalangan pelajar dan para ilmun.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Tidak dilupakan kepada para pelajar yang telah menjadi responden kajian serta rakan penyelidik atas kerjasama dan sumbangan idea yang amat bernilai dalam penghasilan makalah ini. Penulis juga ingin merakamkan penghargaan tulus kepada pihak editorial dan panel penilai *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya* atas komitmen, saranan, serta pandangan ilmiah yang amat membantu dalam proses penambahbaikan dan pemurnian makalah ini. Segala sokongan yang diberikan menjadi pemangkin kepada kelestarian wacana akademik yang berkualiti tinggi.

PENDANAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran pembiayaan daripada mana-mana agensi atau institusi. Segala kos penyelidikan dan penulisan ditanggung sendiri oleh penulis.

SUMBANGAN PENGARANG

- **Pengenalan:** Srikandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet bertanggungjawab dalam merangka latar belakang kajian dan menetapkan objektif.
- **Sorotan Literatur:** Mary Fatimah Subet dan Muhammad Zaid Daud menjalankan semakan literatur
- terkini berkaitan Teori Relevans dan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS).
- **Metodologi:** Mary Fatimah Subet dan Muhammad Zaid Daud mereka bentuk kaedah kajian dan menjalankan proses pengumpulan data serta klasifikasi data berdasarkan frasa.
- **Analisis:** Srikandi Saemah Samaon dan Muhammad Zaid Daud melaksanakan analisis mendalam berdasarkan Teori Relevans dan RRS ke atas data yang diperolehi daripada novel *Di Sebalik Dinara*.
- **Dapatan Kajian:** Semua penulis terlibat dalam penjaanapatan dan interpretasi makna tersirat dalam konteks sikap positif dan nilai kemanusiaan.
- **Kesimpulan:** Srikandi Saemah Samaon menyusun penulisan bahagian kesimpulan berdasarkan penemuan utama.
- **Rujukan:** Muhammad Zaid Daud menyelaras senarai rujukan berdasarkan gaya APA serta memastikan kesepadanan sumber dengan isi kandungan makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud berkaitan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini. Sebarang permintaan tambahan berkaitan data boleh diajukan kepada penulis koresponden melalui e-mel: zaid.daud@usm.my.

RUJUKAN

- Ajeng Dianing Kartika. (2012). *Analisis pragmatik teks humor politik pada situs www.ketawa.com*. International Seminar “Language Maintenance and Shift II”. 5-6 Julai 2012, Universitas Diponegoro, Jakarta, Indonesia
- Amir Asyraff Jamin, & Mary Fatimah Subet. (2018). Menghapus prejudis perkauman melalui karya Indie: Analisis terhadap novel Kunang Pesisir Morten. *The MALTESAS Multi-Disciplinary Journal*, 3(3), 53-68.
- Amir Asyraff Jamin, & Mary Fatimah Subet. (2021). Realisme ekonomi masyarakat Malaysia dalam karya Indie. *Asian People Journal*, 4(1), 11-25.
- Azzahra Egeng, Ferina Kumala Dewi, & Riza Sukma. (2016, Ogos). *Makna kategori partikel dalam implikatur konvensional di tiga daerah: Sebuah kajian teori relevansi* [Paper presentation]. International Seminar on Language Maintenance and Shift (LAMAS), Gedung Pascasarjana Imam Barjo No. 3-5 Semarang, Indonesia.
- Dayang Noor. (2014). *Di sebalik Dinara*. Penerbit UTM dan Utusan Publication.
- George Romiko Bujang, & Mary Fatimah Subet. (2022a). Memperkasakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam menguasai makna di sebalik bahan seni bahasa: Satu pendekatan semantik inkuisitif. *Asian People Journal*, 5(1), 101-113.
- George Romiko Bujang, & Mary Fatimah Subet. (2022b). Meneroka makna ungkapan dalam seni bahasa tahun lima: Satu analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1), 11-20.
- Kempson, R. M. (1986). Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. In. C. Travis (Ed.), *Meaning and interpretation* (hlm. 135-154). Basil Blackwell.
- Kurikulum Standard Sekolah Menengah, (KSSM)(2018) Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran T4 dan T5, Bahagian Pembangunan Kurikulum: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mary Fatimah Subet. (2012). Teori relevans dalam personifikasi. Dlm. Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal, & Harishon Radzi. (Eds.), *Pemantapan dan pembinaan ilmu linguistik berasaskan korpus* (hlm. 207-223). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mary Fatimah Subet. (2010). *Interpretasi makna bahasa figuratif sebagai cerminan emosi: Satu analisis teori relevans* [Tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad, & Muhammad Zaid Daud. (2018). Analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam novel sastra Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 106-121.
- Mohd Nizam Yusof, & Muhammad Zaid Daud. (2023). Keterikatan pola ayat dasar bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran (PDP) bahasa Jepun: Analisis pragmatik. *Buletin Penyelidikan Cendekia*, 1(1), 23.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2021). Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang mempertalikan politik tempatan: Analisis pragmatik. *Issues in Language Studies*, 10(1), 110-130.
- Muhammad Zaid Daud, Mary Fatimah Subet, & Awang Azman Azwang Pawi. (2023). Metafora kritikan dalam mengasosiasikan naratif Pak Kaduk dengan konteks politik tempatan: Analisis pragmatik. *Buletin Penyelidikan Cendekia*, 1(1), 16.
- Muhammad Zaid Daud. (2018a). Imej tumbuhan dalam slanga: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 4(1), 1-20.
- Muhammad Zaid Daud. (2018b). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 43-52.
- Muhammad Zaid Daud. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif* [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Nadiah Zainal Abidin, & Muhammad Zaid Daud (2023). Pelanggaran eufemisme dalam album Billie Eilish – Happier Than Ever berpandukan akal budi Melayu dan pragmatik. *Buletin Penyelidikan Cendekia*, 1(1), 19.
- Nik Hassan Nik Ab. Kadir. (2007). Kewajaran pengajaran KOMSAS dalam bahasa Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 5(1), 121-144.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan* (Edisi ke-3). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noorsaiyidah Suradi, & Muhammad Zaid Daud. (2023). “British English or American English?”: Penutur Melayu gen Z dan

- pemilihan leksikal dalam domain pakaian berpandukan analisis pragmatik. *Buletin Penyelidikan Cendekia*, 1(1), 39.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Mary Fatimah Subet, & Dayang Sariah Abang Suhai. (2011). Siratan makna dan serlahan emosi dalam “Ke Makam Bonda”: Satu analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa Brunei*, 28(1), 55-76.
- Nor Hashimah Jalaluddin, & Ahmad Harith Syah. (2009). Penelitian makna imbuhan pen- dalam bahasa Melayu: Satu kajian rangka rujuk silang. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 9(2), 57-72.
- Nor Hashimah Jalaluddin, & Norsimah Mat Awal. (2006). Citra lelaki dulu dan kini dalam prosa Melayu: Analisis teori relevans. *Jurnal Bangi*, 1(1), 1-20.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (Terj.). (1999). *Relevans: Komunikasi & kognisi* (1st ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Farain Ali, & Muhammad Zaid Daud. (2023). Unsur implisit dalam lagu rakyat “Mein Vater War Ein Wandersmann” bagi masyarakat Jerman berpandukan akal budi Melayu dan pragmatik. *Buletin Penyelidikan Cendekia*, 1(1), 34.
- Rozita Che Rodi. (2022). Hati budi Melayu sebagai simbol peradaban masyarakat: Analisis kata fokus “ilmu” berdasarkan teori medan makna. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra Dan Budaya*, 1(1), 157–180. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.6>
- Siti Farida Salleh, Yazid Yahya, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2020). Analisis semantik leksikal dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal*, 3(1), 45-63.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1956). *Relevance communication & cognition* (2nd ed.) Blackwell.
- Srikandi Saemah Samaon, & Mary Fatimah Subet. (2020a). Perwatakan dalam novel KOMSAS “Di Sebalik Dinara: Analisis teori relevans. *Asian People Journal*, 3(1), 84-100.
- Srikandi Saemah Samaon, & Mary Fatimah Subet. (2020b). Teori relevans dalam pembelajaran KOMSAS. *Borneo International Journal*, 2(4), 47-54.
- Suzieyiana Ritos, & Muhammad Zaid Daud. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis pragmatik. *Asian People Journal*, 3(1), 64-83.

- Waemasna Waeyusoh, & Yusniza Yaakub. (2023). Konotatif, afektif dan reflektif memanifestasi kebijakan akal budi Melayu Patani. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra Dan Budaya*, 2(1), 155–176. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.7>
- Wong Shia Ho. (2013). Bahasa figuratif sebagai wahana pemikiran: Satu analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 39-63.
- Wong Shia Ho. (2014). Penggunaan simbol dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa*, 14(1), 60-96.